

02 OCT 2002

ANGGOTA PARLIMEN PAS BUAT LAPORAN POLIS TERHADAP DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Seorang anggota Parlimen daripada Pas hari ini membuat laporan polis terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung beberapa ucapannya yang menyentuh mengenai Islam yang dibuat antara 1982 dan 2002.

Abdul Fatah Haron, anggota Parlimen Rantau Panjang, membuat laporan itu di Balai Polis Dang Wangi pada pukul 11.30 pagi.

Semasa ditemui media selepas itu, Abdul Fatah mendakwa ucapan-ucapan Dr Mahathir itu memperlekehkan Islam.

-- BERNAMA

CS AHH NMO